



PERMOHONAN/PENCALONAN SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM) 2025 – 2028

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) mempelawa permohonan daripada mana-mana individu, organisasi, institusi atau organisasi masyarakat sivil sebagai Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi **penetapan sebagai Pesuruhjaya Kanak-kanak**, dengan perincian berikut:

1. Tempoh Perkhidmatan : Tiga (3) tahun tertakluk kepada syarat-syarat dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]
2. Gred : Setaraf kelayakan JUSA C
3. Status Lantikan : Sepenuh masa
4. **Syarat Permohonan/Pencalonan Umum**
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf;
 - (c) Berpengetahuan atau berpengalaman praktikal dan komited dalam bidang hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak dan undang-undang yang berkaitan dengannya;
 - (d) Mempunyai keyakinan untuk mengambil pendirian yang tegas, bebas daripada Kerajaan, sektor swasta dan masyarakat madani;
 - (e) Komitmen yang tinggi dalam mendokong, mempertahankan dan menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam melaksanakan fungsi dan kuasa statutori Suruhanjaya seperti yang termaktub di dalam Seksyen 4 Akta 597;
 - (f) Bukan seorang yang bankrap dan tidak pernah terlibat dengan kesalahan jenayah (tapisan dibuat oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM));
 - (g) Tidak mempunyai, atau pernah mengambil pendirian yang bertentangan dengan pemahaman/pendirian hak asasi yang didokong oleh SUHAKAM, dan menghormati prinsip-prinsip yang terkandung di dalam peruntukan-peruntukan berkenaan kebebasan asasi dan hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) setakat perisytiharan itu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan; dan

- (h) Berpengalaman dan mempunyai penglibatan yang luas dalam program/aktiviti hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa; atau
- (i) Pernah menghasilkan penulisan dan penerbitan artikel ataupun buku berkenaan prinsip dan isu-isu hak asasi manusia yang berhubungan dengan kanak-kanak.

5. Bidang Tugas

- (a) Melaksanakan **fungsi dan kuasa statutori SUHAKAM** seperti yang termaktub di dalam Seksyen 4 Akta 597; dan
- (b) Menjayakan mandat sebagai Pesuruhjaya Kanak-kanak SUHAKAM seperti yang termaktub di dalam Seksyen 6A Akta 597.

6. Spesifikasi Individu

Individu berintegriti yang mempunyai:

- (a) Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dalam bidang undang-undang/dasar sosial/kebijakan sosial/psikologi atau bidang lain yang berkaitan;
- (b) Pengetahuan dan kepakaran yang mendalam dalam perkara-perkara berikut:
 - (i) Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak (UNCRC) dan instrumen antarabangsa lain yang relevan, serta rangka kerja perlindungan kanak-kanak kebangsaan yang berkaitan;
 - (ii) Mempunyai kefahaman tentang keperluan kanak-kanak, peringkat tumbesaran dan cabaran yang dihadapi kanak-kanak merentasi konteks yang pelbagai, seperti pendidikan, kesihatan dan keadilan yang turut merangkumi kanak-kanak daripada komuniti terpinggir dan rentan;
 - (iii) Mempunyai kemahiran advokasi yang kuat untuk mempromosi dan mempertahankan hak kanak-kanak dan menarik perhatian pemegang taruh kepada isu-isu yang memberi kesan terhadap kanak-kanak.
- (c) Kemampuan bekerjasama dengan pelbagai pemegang taruh yang terlibat dengan isu kanak-kanak dan menyumbang ke arah perlindungan dan promosi hak kanak-kanak di Malaysia;
- (d) Memahami secara umum tadbir urus awam dan undang-undang awam berhubung isu kanak-kanak di Malaysia; dan
- (e) Kebolehan menanggapi perkembangan isu semasa dan antarabangsa, trend, amalan terbaik dan undang-undang yang berkaitan hak kanak-kanak, perkaitan, impak dan aplikasinya di Malaysia.

7. **Cara Permohonan/ Pencalonan**

- (a) Borang permohonan/pencalonan boleh dimuat turun dari laman web <http://www.bheuu.gov.my>
- (b) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada :

**Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan
Perdana Menteri
Urus setia Pelantikan Anggota SUHAKAM
d/a Seksyen Dasar, Aras 4
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692
PUTRAJAYA**

- (c) Sila tuliskan “**PERMOHONAN/ PENCALONAN ANGGOTA SUHAKAM PORTFOLIO PESURUHJAYA KANAK-KANAK**” di bahagian atas penjurukan kanan sampul surat.
- (d) Permohonan/ Pencalonan yang tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak BHEUU, JPM selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap gagal.
- (e) Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi Puan Shahmila binti Shanmugam di talian 03-8885 1920 atau di alamat e-mel shahmila.shanmugam@bheuu.gov.my

8. **Tarikh Tutup Permohonan/ Pencalonan: 31 Oktober 2024**